# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 MEI 2024 (JUMAAT)

| DVS Selangor Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Astro Awani | Berita Awani | Online | 3 Mei |




Tangkapan Skrin dari Youtube Astro Awani

Nak Bela Haiwan Peliharaan Tapi…

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Sinar Harian | Cetusan | 16 | 3 Mei |

# Nak bela haiwan peliharaan tapi...



ANALISIS MUKA 16

NOOR AINON MOHAMED YUSOF

Kejadian dua kanak-kanak yang panik melarikan diri selepas dikejar seekor anjing di Sitiawan, Perak pada 27 April lalu dalam video tular berdurasi 20 saat menggemparkan masyarakat.

Kejadian yang dirakam pengguna jalan raya itu memaparkan seorang daripada mereka berlari melintas jalan. Malangnya kanak-kanak tersebut terjatuh menyebabkan sebuah kereta Proton Wira yang berada di lorong kanan terpaksa mengelak hingga terbabas menaiki pembahagi jalan.

Tindakan pantas pemandu berkenaan menyelamatkan kepala kanak-kanak itu daripada digilis kenderaan dipandunya. Hanya kerana dikejar seekor anjing peliharaan yang tidak dijaga dengan baik oleh tuannya, nyawa seorang kanak-kanak hampir melayang.

Di Pulau Pinang pula, seorang lelaki cedera parah selepas didakwa digigit seekor anjing bertuan ketika melakukan riadah di kawasan perumahan di Changkat Bukit Gambir 2, George Town pada Februari lalu.

Berdasarkan dua kejadian itu, serangan terhadap orang awam itu bukanlah daripada anjing liar yang bebas berkeliaran tetapi anjing bertuan. Berkaitan kes tersebut, penulis ingin kongsi perihal penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Manjung) 1993.

Mengikut peruntukan, semua anjing mencapai usia tiga bulan hendaklah dilesenkan, dengan pemiliknya perlu mengambil langkah segera bagi membolehkan anjing mereka diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar jika berpenyakit.

Menariknya di bawah undang-undang tersebut, menjadi tanggungjawab pemilik mengambil inisiatif memastikan anjing peliharaan mereka tidak menjadi gangguan kepada jiran-jiran disebabkan oleh salakan tidak berhenti-henti atau lain-lain.

Selain itu, pemilik haiwan peliharaan juga perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan anjing mereka tidak merayau di luar kawasan premis pemilik dan anjing tersebut perlu berikat tali apabila dibawa keluar daripada premis pemiliknya.

Merujuk peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDM) 1993 Perkara 9 (1), anjing yang berkeliaran di luar premis tanpa pemunya (sama ada memakai lencana lesen atau tidak) boleh ditangkap dan dimusnahkan.

Tanggungjawab pemilik sangat jelas ketika memohon lesen anjing agar haiwan kesayangan mereka tidak menjadi ancaman kepada keselamatan penduduk terutama di tempat awam. Undang-undang negara juga ada menyebut tentang tanggungjawab pemilik haiwan peliharaan - Seksyen 6 Akta Kesalahan Kecil 1955 iaitu jangan biarkan anjing peliharaan mengejar orang.

Seksyen 7 akta sama memperuntukkan supaya jangan biarkan anjing peliharaan menyebabkan bahaya atau merosakkan harta benda atau Seksyen 8 akta sama, jangan biarkan anjing peliharaan menyerang atau menakutkan orang.

Pendek kata, penguatkuasaan dan perhatian terhadap isu membela anjing menunjukkan kepentingan awam sangat dititikberatkan untuk melahirkan suasana yang harmoni dalam masyarakat, khususnya kehidupan berjiran.

> *"Tanggungjawab pemilik sangat jelas ketika memohon lesen anjing agar haiwan kesayangan mereka tidak menjadi ancaman kepada keselamatan penduduk terutama di tempat awam."*

Dalam konteks kejiranan, sememangnya menjadi kewajipan kita menjaga hubungan baik sesama manusia supaya hidup berjiran sentiasa dalam sejahtera dan selamat.

Kehidupan bermasyarakat yang dikelilingi pelbagai bangsa, agama, bahasa dan budaya perlu mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling hormat-menghormati.

Kita tidak mahu disebabkan haiwan kesayangan bebas berkeliaran, pemilik pula yang dikenakan tindakan mahkamah seperti kes seorang mekanik didenda sebanyak RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen Ampang pada Februari lalu kerana gagal menjaga keperluan seekor anjing sehingga haiwan itu mencederakan jirannya.

Jadikan kejadian-kejadian yang telah berlaku itu sebagai iktibar dan pengajaran. Tak kisahlah jika nak bela anjing, kucing, lembu, arnab atau apa sahaja haiwan peliharaan tapi pastikan jaga haiwan-haiwan tersebut, bukan dibiarkan lepas bebas tanpa pemantauan sehingga boleh mengundang bahaya, kemarahan dan perselisihan faham dengan jiran tetangga pula.

** Noor Ainon Mohamed Yusof ialah wartawan Sinar Harian Perak*

Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing Di Kajang Dibuka

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Kosmo! | Negara | Online | 2 Mei |



Rakaman CCTV menunjukkan sekumpulan lelaki bertindak membakar seekor anak kucing hidup-hidup. FOTO - Instagram Persatuan Haiwan Malaysia

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, Selangor pada 22 April lepas.

DVS dalam kenyataan berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya," katanya tadi.

Terdahulu, polis sedang mengesan tiga lelaki yang membakar seekor anak kucing hidup-hidup di tempat letak flat berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd. Zaid Hassan berkata, pihaknya menerima laporan kejadian daripada wanita warga emas tempatan berusia 63 tahun pada pukul 10.31 pagi.

Susulan itu, DVS mengesahkan telah

menerima laporan daripada Ibu Pejabat Polis Hulu Langat pada 24 April lepas.

"Pihak jabatan telah mengambil milik kucing tersebut untuk membuat pemeriksaan lanjut di Pusat Tahanan Haiwan DVS Selangor.

"DVS ingin memaklumkan bahawa barang kes (satu ekor kucing), kini berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan Pegawai Veterinar DVS Selangor," ujarnya.

DVS menasihatkan orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes. – KOSMO! ONLINE

| Kes Bakar Kucing: DVS Selangor Buka Kertas Siasatan | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| BuletinTV3 | Jenayah | Online | 2 Mei |




**Oleh: Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin**

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang pada 22 April lalu.

Dalam kenyataan hari ini, DVS memaklumkan kes disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, media melaporkan, polis memburu tiga lelaki yang membakar anak kucing di parkir motosikal Flat Seri Kenari.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan dilapor berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang pengadu berusia 63 tahun memaklumkan anak kucing dibakar hidup-hidup di tapak parkir motosikal berkenaan.

"Suspek tiga lelaki dipercayai sedang melepak di tapak parkir berkenaan. Dua

daripada suspek kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ke atas anak kucing dan salah seorang menyalakan api.

"Ketiga-tiga mereka hanya menyaksikan anak kucing berkenaan berlari dalam keadaan badan terbakar," katanya.

Mengulas lanjut, DVS mengesahkan telah menerima laporan daripada Ibu Pejabat Polis (IPD) Hulu Langat pada 24 April lalu berhubung kes berkenaan.

Susulan aduan tersebut, DVS Selangor telah membuat pemeriksaan aduan di klinik veterinar swasta yang mana kucing tersebut telah dihantar oleh orang awam.

Pihak jabatan telah mengambil milik kucing tersebut untuk membuat pemeriksaan lanjut di Pusat Tahanan Haiwan DVS Selangor.

"DVS ingin memaklumkan bahawa barang kes (satu ekor kucing), kini berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan Pegawai Veterinar DVS Selangor.

"Oleh yang demikian, DVS menasihatkan orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes," menurut kenyataan itu.-BULETINTV3

JPV Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
| --- | --- | --- | --- |
| FMT | Tempatan | Online | 2 Mei |



Sebelum ini, tular satu rakaman video menunjukkan dua daripada tiga lelaki menyimbah bahan bakar sebelum menyalakan api pada anak kucing di sebuah flat di Kajang.

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, dekat sini, pada 22 April lepas.

Dalam kenyataan hari ini, JPV memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

"DVS ingin memaklumkan bahawa kucing tersebut berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan pegawai veterinar DVS Selangor," kata DVS yang turut meminta orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berkaitan kejadian itu yang menunjukkan tiga lelaki sedang melepak di tapak parkir motosikal flat berkenaan dan dua daripada

mereka kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ka atas anak kuching dianggarkan berusia enam minggu sebelum salah seorang menyalakan api.

DVS turut mengesahkan menerima laporan daripada pihak IPD Hulu Langat pada 24 April berhubung kes itu.- FREEMALAYSIATODAY

| DVS Selangor Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| FMT | Tempatan | Online | 2 Mei |

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, dekat sini, pada 22 April lepas.

Dalam kenyataan hari ini, JPV memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

"DVS ingin memaklumkan bahawa kucing tersebut berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan pegawai veterinar DVS Selangor," kata DVS yang turut meminta orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berkaitan kejadian itu yang menunjukkan tiga lelaki sedang melepak di tapak parkir motosikal flat berkenaan dan dua daripada

mereka kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ka atas anak kuching dianggarkan berusia enam minggu sebelum salah seorang menyalakan api.

DVS turut mengesahkan menerima laporan daripada pihak IPD Hulu Langat pada 24 April berhubung kes itu.- FREEMALAYSIATODAY

| Kes Bakar Kucing: DVS Selangor Buka Kertas Siasatan | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Suara.TV | Nasional Utama | Online | 2 Mei |




Mohamad Sabu berucap merasmikan majlis Perasmian Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024, hari ini. - Foto Bernama

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang pada 22 April lalu.

Dalam kenyataan hari ini, DVS memaklumkan kes disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya,” menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, media melaporkan, polis memburu tiga lelaki yang membakar anak kucing di parkir motosikal Flat Seri Kenari.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan dilapor berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang pengadu berusia 63 tahun memaklumkan anak kucing dibakar hidup-hidup di tapak parkir motosikal berkenaan.

“Suspek tiga lelaki dipercayai sedang melepak di tapak parkir berkenaan. Dua

daripada suspek kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ke atas anak kucing dan salah seorang menyalakan api.

“Ketiga-tiga mereka hanya menyaksikan anak kucing berkenaan berlari dalam keadaan badan terbakar,” katanya.

Mengulas lanjut, DVS mengesahkan telah menerima laporan daripada Ibu Pejabat Polis (IPD) Hulu Langat pada 24 April lalu berhubung kes berkenaan.

Susulan aduan tersebut, DVS Selangor telah membuat pemeriksaan aduan di klinik veterinar swasta yang mana kucing tersebut telah dihantar oleh orang awam.

Pihak jabatan telah mengambil milik kucing tersebut untuk membuat pemeriksaan lanjut di Pusat Tahanan Haiwan DVS Selangor.

“DVS ingin memaklumkan bahawa barang kes (satu ekor kucing), kini berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan Pegawai Veterinar DVS Selangor.

“Oleh yang demikian, DVS menasihatkan orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes,” menurut kenyataan itu Buletin TV3-SUARATV

Veterinar Selangor Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Malaysia Kini | Berita | Online | 2 Mei |



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, dekat sini, pada 22 April lepas.

Dalam kenyataan hari ini, DVS memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

“DVS ingin memaklumkan bahawa kucing tersebut berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan pegawai veterinar DVS Selangor,” kata DVS yang turut meminta orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berkaitan kejadian itu yang menunjukkan tiga lelaki sedang melepak di tapak parkir motosikal flat berkenaan dan dua daripada

mereka kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ka atas anak kuching dianggarkan berusia enam minggu sebelum salah seorang menyalakan api.

DVS turut mengesahkan menerima laporan daripada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Langat pada 24 April berhubung kes itu.-MALAYSIAKINI

| Bakar Kucing, JPV Selangor Buka Kertas Siasatan | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| My Metro | Mutakhir | Online | 2 Mei |




Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, dekat sini, pada 22 April lepas.

Dalam kenyataan hari ini, JPV memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

"JPV ingin memaklumkan bahawa kucing tersebut berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan pegawai veterinar JPV Selangor," kata JPV yang turut meminta orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berkaitan kejadian itu yang menunjukkan tiga lelaki sedang melepak di tapak parkir motosikal flat berkenaan dan dua daripada

mereka kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ke atas anak kucing dianggarkan berusia enam minggu sebelum salah seorang menyalakan api.

JPV turut mengesahkan menerima laporan daripada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Langat pada 24 April berhubung kes itu.-MYMETRO

| Selangor DVS Probes Kitten Burning Incident In Kajang | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| The Star | Nation | Online | 2 Mei |

PUTRAJAYA: The Selangor Veterinary Services Department (DVS) has opened an investigation paper into the case of a kitten set on fire at Flat Sri Kenari in Sungai Ramal Baru, Kajang near here on April 22.

In a Thursday (May 2) statement, DVS informed that the case is being investigated under the Animal Welfare Act 2015 (Act 772).

"The investigation paper will be referred to the Selangor State Deputy Prosecutor's Office for further instructions.

"DVS would like to inform the public that the kitten is in good condition under the supervision of DVS Selangor veterinary officers," said the department, which also asked the public to refrain from speculation that could interfere with the investigation of the case.

Video footage from CCTV of the incident went viral, showing three men loitering at the flat's motorcycle parking lot before two allegedly splashed fuel on a kitten estimated to be six weeks old.

DVS also confirmed receiving a report from the Hulu Langat police headquarters (IPD) on April 24 regarding the episode.

Police have classified the case as a criminal act under Section 428 of the Penal Code for mischief by killing or maiming an animal. – BERNAMA

| Veterinar Selangor Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Kini | Berita | Online | 2 Mei |



PUTRAJAYA: The Selangor Department of Veterinary Services Department (DVS) has opened an investigation paper into the case of a kitten set on fire at Flat Sri Kenari in Sungai Ramal Baru, Kajang near here on April 22.

In a statement today, DVS informed that the case is being investigated under the Animal Welfare Act 2015 (Act 772).

"The investigation paper will be referred to the Selangor State Deputy Prosecutor's Office to obtain further instructions.

"DVS would like to inform that the kiiten is in good condition under the supervision of DVS Selangor veterinary officers," said the department, which also asked the public to refrain from speculation that could interfere with the investigation of the case.

A video footage from CCTV of the incident went viral showing three men loitering at the flat's motorcycle parking lot before two allegedly splashed fuel on a kitten estimated to be six weeks old.

DVS also confirmed receiving a report from the Hulu Langat police headquarters (IPD) on April 24 regarding the episode.

Police have classified the case as a criminal act under Section 428 of the Penal Code for mischief by killing or maiming an animal._THESUN

| Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Buka Kertas Siasatan Kes Bakar Kucing | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Selangor Kini | Agensi Selangor | Online | 2 Mei |



Jabatan Perkhidmatan Veterina (DVS) Selangor menyiasat kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru Kajang mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). Foto Instagram animalmalaysia

PUTRAJAYA, 2 MEI: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor membuka kertas siasatan berhubung kes kucing dibakar di Flat Sungai Kenari, Sungai Ramal Baru, Kajang, dekat sini, pada 22 April lepas.

Dalam kenyataan hari ini, DVS memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

“DVS ingin memaklumkan bahawa kucing tersebut berada dalam keadaan baik di bawah pemantauan pegawai veterinar DVS Selangor,” kata DVS yang turut meminta orang awam untuk tidak membuat apa-apa spekulasi atau tindakan yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berkaitan kejadian itu yang menunjukkan tiga lelaki sedang melepak di tapak parkir motosikal flat berkenaan dan dua daripada

mereka kemudian menyimbah dipercayai bahan bakar ka atas anak kuching dianggarkan berusia enam minggu sebelum salah seorang menyalakan api.

DVS turut mengesahkan menerima laporan daripada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Langat pada 24 April berhubung kes itu.– BERNAMA

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR